

22 AUG 1998

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat UMNO Kelantan

KOTA BAHARU, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini mempengerusikan mesyuarat tertutup Badan Perhubungan Umno Kelantan sebagai acara terakhir beliau sempena lawatan kerja seharusnya ke negeri ini hari ini.

Mesyuarat lebih satu setengah jam itu yang bermula 3.35 petang berlangsung di sebuah hotel di sini. Dr Mahathir ialah pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Yang turut hadir pada mesyuarat itu ialah timbalan pengerusinya Datuk Annuar Musa, naib pengerusi Datuk Mustapa Mohamed, setiausaha Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Nor dan ketua-ketua UMNO bahagian.

Pada waktu yang sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali menghadiri perjumpaan tertutup dengan isteri wakil rakyat Barisan Nasional dan isteri ketua Umno bahagian.

Perjumpaan selama sejam 30 minit itu diadakan di hotel yang sama.

Dr Mahathir dan isteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pada pukul 5.30 petang.

-- BERNAMA

ZI BD MAI